

## **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

### **PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 19 APRIL 2024**

#### **Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.

2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:

Bahagian A : 30 Soalan Objektif

Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek

Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang

3. Sila jawab:

Bahagian A : Semua Soalan

Bahagian B : 7 Soalan sahaja

Bahagian C : 2 Soalan sahaja

4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.

5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.

6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**\*\*\*\* SEMOGA BERJAYA \*\*\*\***

## BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki untuk menjawab semua soalan. Setiap soalan mempunyai 1 markah.

- 1) Warga Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat di Negara Brunei Darussalam dan orang ramai boleh memohon jawatan-jawatan kosong yang diiklankan melalui tiga (3) jenis peraturan iklan. Nyatakan:
  - a. Peraturan 38 (c), Peraturan 7 (b), Peraturan 37 (a)
  - b. Peraturan 8 (c), Peraturan 37 (a), Peraturan 38 (a)
  - c. Peraturan 7 (b), Peraturan 38 (c), Peraturan 8 (a)
  - d. Peraturan 38 (b), Peraturan 38 (a), Peraturan 7 (a)
- 2) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 (b) Kelakuan dan Tatatertib menggariskan kewajipan pegawai dan kakitangan kerajaan untuk mematuhi peraturan waktu bekerja yang ditetapkan, termasuklah mematuhi waktu-waktu masuk bekerja dan keluar semasa waktu bekerja. Tempoh bekerja seminggu minimum adalah:
  - a. 38 ½ Jam
  - b. 38 ½ Jam
  - c. 37 ¼ Jam
  - d. 37 ½ Jam
- 3) Sebaik sahaja memulakan perkhidmatan, semua pegawai dan kakitangan kerajaan dikehendaki untuk mematuhi Akta Rahsia Bab 5 (Penggal 153), dan sebaliknya jika gagal dipatuhi dan sabit kesalahan seseorang boleh dijatuhi hukuman:
  - a. Penjara tidak kurang tiga (3) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000.
  - b. Penjara tidak kurang dua (2) tahun dan denda tidak kurang daripada \$20,000.
  - c. Penjara tidak lebih tiga (3) tahun dan denda tidak kurang daripada \$20,000.
  - d. Penjara tidak lebih dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000.
- 4) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 berkuat kuasa pada 01 Januari 1962 ialah:
  - a. Mengawal urusan bagi pengisian kekosongan jawatan Tetap, Gaji Hari dan Kontrak.
  - b. Mengawal urusan lantikan, termasuk lantikan Gaji Hari dan tindakan tatatertib.
  - c. Mengawal hal ehwal lantikan dan kenaikan pangkat bagi perkhidmatan tetap dan perkhidmatan sementara, kecuali lantikan Gaji Hari.
  - d. Bertanggungjawab untuk menguruskan semua urusan pengambilan jawatan untuk memenuhi fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

- 5) Menurut Bab 21, di bawah Perintah-Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Kerajaan 1961 (*General Order*) menyatakan bahawa lantikan seorang pegawai yang baru sahaja diambil bekerja ke Perkhidmatan Awam biasanya akan dikira dari hari ia menjawat jawatan dan dia hendaklah mendapat gaji dari tarikh itu. Nyatakan tarikh kenaikan gaji bagi pegawai dalam Bahagian I dan II menurut Bab 22:
- Tarikh kenaikan gaji jatuh pada tarikh hari pertama dalam tahun berikutnya.
  - Tarikh kenaikan gaji tahunan jatuh pada tarikh pegawai dilantik ke satu jawatan dalam percubaan tiga (3) tahun.
  - Tarikh kenaikan gaji tahunan jatuh pada tarikh permulaan pegawai dilantik.
  - Tarikh kenaikan gaji tahunan jatuh pada tarikh pegawai yang dilantik dalam percubaan telah berjaya.
- 6) Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 7/2023 adalah mengenai Penyerapan Perkhidmatan *Open Vote* dan lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap. Sila nyatakan syarat asas yang bukan dalam dasar pengambilan perkhidmatan tersebut:
- Perkhidmatan bergaji hari sekurang-kurangnya lima (5) tahun.
  - Bahagian III, IV dan V diserapkan ke jawatan dan bahagian yang baru.
  - Laporan Penilaian Prestasi dit ahap 'Baik' (Gred C) tiga (3) tahun berturut-turut.
  - Penyelarasaran jawatan berdasarkan kepada bidang tugas yang dipegang dan bukanlah berbentuk kenaikan pangkat.
- 7) Sistem Penilaian Prestasi Baru telah diperkenalkan sebagai salah satu langkah mempertingkatkan budaya kerja berdasarkan prestasi kerja dalam Perkhidmatan Awam berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2017. Bilakah ia berkuat kuasa?
- 11 December 2016
  - 7 April 2017
  - 12 Julai 2017
  - 01 Oktober 2017

- 8) Pengguna Tatatertib bagi kakitangan Bahagian IV dan V adalah:
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam
  - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Setiausaha Tetap
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- 9) Tempoh lantikan memangku bagi jawatan dalam Bahagian I, II, III dan IV menurut Anggaran Perbelanjaan adalah 11 hari atau lebih. Sebutkan jawatan-jawatan yang tidak boleh dipangku, kecuali pegawai yang dilantik memangku telah lulus Peperiksaan Perintah-Perintah Am, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan:
- Pegawai Penaksir Tanah Kanan, Pegawai Projek, Pegawai Pendidikan Pakar.
  - Pengarah Kesihatan, Timbalan Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa.
  - Pegawai Kakitangan Kanan, Pegawai Perubatan Gred I, Pegawai Kajicuaca.
  - Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, Pegawai Audit, Pegawai Kewangan.
- 10) Secara amnya, warga Perkhidmatan Awam yang difikirkan berkelayakan mengikut peraturan yang berkuat kuasa boleh diperuntukkan kemudahan perumahan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti syarat-syarat lantikan dan taraf kelamin pegawai berikut, kecuali:
- Pegawai lelaki dalam Bahagian I, II, III dan IV dalam jawatan Tetap dan Berpencen.
  - Pegawai wanita dalam Bahagian II dan III yang mempunyai suami bekerja di sektor swasta dan mempunyai tanggungan ayah dan ibu.
  - Pegawai dalam Bahagian V dalam Perkhidmatan Tetap.
  - Pegawai lelaki dan perempuan dalam Bahagian III dan IV dalam jawatan percubaan dan berkontrak.
- 11) Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pegawai selaku penghuni semasa mendiami perumahan kerajaan membuat penambahan kepada rumah yang didiami seperti membina tempat ternakan, dapur tambahan atau garaj untuk tujuan menyewakan kepada orang lain?
- Dilaporkan kepada Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).
  - Dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya bagi pemeriksaan struktur bangunan.
  - Peruntukan perumahan dibatalkan dan ditarik balik.
  - Ganti rugi dikenakan kepada pegawai dan dikenakan tindakan tatatertib.

- 12) Berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 10/2003 adalah berkaitan penubuhan Audit Dalaman di Kementerian dan Jabatan Kerajaan, sila jelaskan definisi mengenai Audit Dalaman.
- Penilaian rahsia untuk memantau hal ehwal kewangan jabatan dan sistem kawalan dalamannya.
  - Penilaian untuk memantau keberkesanan pengurusan dan pentadbiran jabatan.
  - Penilaian yang dipantau oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan untuk mengukur kestabilan prestasi kementerian/jabatan.
  - Penilaian bebas yang diwujudkan dalam sesebuah kementerian/jabatan untuk mengukur dan menilai sistem kawalan dalaman.
- 13) Pegawai dan kakitangan kerajaan tidak akan mendapat kelayakan cuti tahunan ketika dalam keadaan-keadaan seperti berikut, kecuali:
- Menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri.
  - Cuti Khas menemani suami/isteri yang bertugas di luar negeri.
  - Mencapai tempoh khidmat genap dua belas bulan.
  - Cuti Beranak.
- 14) Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 dengan tumpuan utama majlis bagi dihadiri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara pada 22 Februari 2024. Memandangkan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah ditukar tarikh kepada 24 Februari 2024, maka Awang Samkahar, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tkt I, berhasrat untuk bercuti pendek keluar negeri ke Miri pada 22 Februari 2024 (hari Khamis) iaitu selepas waktu pejabat dan pulang keesokan harinya iaitu Jumaat, 23 Februari 2024. Beliau ada menerima jemputan dari jabatannya untuk menghadiri majlis kesyukuran tersebut. Berdasarkan Surat Keliling JPM bilangan 11/ 1999, Sila nasihat:
- Permohonan boleh dipertimbangkan tertakluk ia dipohonkan awal sebelum 22 Februari 2024.
  - Permohonan hanya dibenarkan selepas Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan berakhir.
  - Permohonan tidak dipertimbangkan dan sebaliknya disarankan memohon pada 23 Februari 2024.
  - Permohonan tidak dipertimbangkan dan sebaliknya boleh dipertimbangkan selepas selesai upacara sambutan pada 24 Februari 2024.

- 15) Tiga (3) fokus utama Tekad Pemedulian Orang Ramai atau TPOR ialah:
- Orang ramai, prosedur dan sikap/etika
  - Orang ramai, piawaian dan sikap/etika
  - Orang ramai, proses dan organisasi
  - Orang ramai, prosedur dan organisasi
- 16) Pemberian bonus tahunan mengikut gred prestasi tidak akan diberikan kepada pegawai dan kakitangan yang didapati dalam kedudukan berikut:
- Prestasi di tahap gred Tidak Memuaskan (49% dan ke bawah).
  - Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan LDP di luar negeri.
  - Menjalani Cuti Bersalin.
  - Tidak hadir bekerja tanpa kebenaran dan digantung kerja.
- 17) Selain Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri terdapat lagi satu agensi kerajaan yang dipertimbangkan pemberian Cuti Khas khususnya kepada pegawai yang menemani suami/isteri bertugas di luar negeri iaitu:
- Kementerian Hal Ehwal Ugama
  - Jabatan Perdana Menteri
  - Kementerian Kewangan dan Ekonomi
  - Brunei Investment Agency
- 18) Pegawai/Kakitangan yang memohon Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) berkenaan boleh mengambil kelayakan tempoh cuti berikut:
- Tiga (3) hari secara berturut-turut cuti am, awam dan cuti khas.
  - Enam (6) hari dalam satu (1) tahun tempoh perkhidmatan.
  - Tidak boleh melebihi tempoh tiga (3) hari berturut-turut.
  - Tidak boleh melebihi tempoh dua (2) hari berturut-turut cuti awam dan cuti sakit.
- 19) Bagi para guru dan tenaga pengajar dalam bahagian III dan ke bawah, kebenaran untuk mengambil cuti kahwin serta bergaji penuh yang dibenarkan ialah:
- Dua (2) Minggu
  - Tiga (3) Minggu
  - Satu (1) Minggu
  - Empat (4) Minggu

- 20) Mr Anangkutinang adalah pegawai kontrak di Kementerian Pendidikan didapati keluar negeri tanpa kebenaran dan turut sabit kesalahan di bawah Perintah Tembakau Bab 6(1). Apakah tindakan yang boleh dikenakan?
- Dimestikan menghadiri kaunseling di Jabatan Perkhidmatan Awam.
  - Ditahan gaji 50% dan digantung perkhidmatan.
  - Dibuang kerja dengan perjanjian kontrak ditamatkan.
  - Diberi amaran untuk tidak mengulangi dan dicatat dalam rekod perkhidmatan.
- 21) Syarat peruntukan perumahan kerajaan adalah mengikut kelayakan-kelayakan pegawai berikut. Sila pilih yang paling betul.
- Pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Tetap Bahagian V, Sebulan ke Sebulan dan *Open Vote*.
  - Pegawai perempuan Bahagian I, II, III, IV dan Kontrak Tempatan.
  - Pegawai Perkhidmatan Tetap dan Kontrak Tempatan dalam Bahagian I, II, III dan IV.
  - Pegawai Lelaki Bahagian I, II, III dan IV dalam Perkhidmatan Tetap dan Kontrak Luar Negeri.
- 22) Dayang Ratnadewi diperuntukkan rumah di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam dan telah mendiami perumahan berkenaan selama tujuh (7) tahun. Berdasarkan Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan: 14/2014, kebenaran mendiami tidak akan terbatal jika beliau dan suami didapati memiliki rumah daripada salah satu skim-skim berikut:
- Terpilih menerima Skim Perpindahan/Perumahan Negara.
  - Bantuan pinjaman kewangan kerajaan bagi membina rumah.
  - Membina rumah dengan pinjaman Bank Baiduri (*loan*).
  - Dikurniakan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.
- 23) Peraturan 9 dari Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83) adalah mengenai:
- Tidak hadir bekerja tanpa mendapat kebenaran.
  - Keperluan membuat surat tunjuk sebab/membela diri.
  - Kes jenayah yang melibatkan penyalahgunaan dadah dan akta racun.
  - Kebenaran keluar negeri hendaklah mendapat kebenaran awal ketua jabatan.

- 24) Ciri-ciri format penyediaan persuratan rasmi antara satu kementerian dan jabatan kerajaan yang bukan di bawah bidang kuasa kementerian berkenaan adalah:
- Bersurat (*letterhead*)
  - Minit dan E-mel
  - Memorandum (memo) dan bersurat (*letterhead*)
  - Memorandum (memo)
- 25) Dayang Jenipawati seorang pegawai dalam Bahagian II dalam tangga gaji B.2 EB.3 telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 12 Januari 2024 dan beliau mengalami keguguran sewaktu usia kandungannya lebih daripada 24 minggu. Berapakah tempoh cuti beranak diberikan?
- 105 hari
  - 108 hari
  - 56 hari
  - 30 hari
- 26) Surat keliling adalah merupakan surat pengumuman rasmi kerajaan yang dicetak dan diedarkan yang hanya boleh dikeluarkan oleh kementerian/jabatan berikut:
- Jabatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perbendaharaan
  - Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
  - Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam
- 27) Peraturan bagi pemberian Elaun Pelajaran dan Tambang melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 14/2004 telah dipinda melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 9/2011 dengan Elaun Pelajaran dibayar kepada anak-anak yang menuntut di dalam negeri yang berumur:
- 6 tahun sehingga 24 tahun
  - 5 tahun sehingga 25 tahun
  - 12 tahun sehingga 21 tahun
  - 7 tahun sehingga 26 tahun
- 28) Cuti Lebih Masa (*Off-In-Lieu*) berdasarkan Surat Keliling British Resident Office bilangan 2/1959 merupakan cuti yang diberikan bagi menggantikan waktu bekerja lebih masa. Sila nyatakan pegawai dan kakitangan yang berkelayakan diberikan.
- Bahagian I dan II
  - Bahagian I, II dan III
  - Bahagian II dan III
  - Bahagian III, IV, V dan bergaji hari

- 29) Dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 05/2021 mengenai pembentukan Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj dengan perlantikan beberapa orang ahli. Sila pilih satu yang bukan ahli.
- Jurukira Agung
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri
  - Penolong Peguamcara Negara
- 30) Apakah syarat penilaian prestasi bagi Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap seperti dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 08/2021?
- Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya Gred C 'Baik'
  - Penilaian Prestasi Gred B 'Sangat Baik'
  - Penilaian Prestasi Gred A 'Cemerlang' dan Gred B 'Sangat Baik'
  - Jawapan a, b dan c

## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi 10 soalan. Calon dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja dari 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

- 1) Berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/ 1999 bertarikh 22 Julai 1999, adalah mengenai dasar yang memerlukan setiap pegawai dan kakitangan kerajaan yang dijemput ke majlis-majlis rasmi untuk dihadirinya. Sila sebutkan empat (4) sahaja majlis-majlis dimaksudkan dan satu (1) alasan munasabah jika tidak dapat hadir.
- 2) Sila nyatakan peringkat-peringkat tindakan yang boleh diambil bagi pegawai dan kakitangan yang tidak menghadiri jemputan majlis rasmi dua (2) kali berturut-turut dalam setahun, tanpa alasan munasabah?
- 3) Huraikan tiga (3) matlamat Anugerah Inovasi Perdana (AIP) dan dua (2) bidang tumpuannya.
- 4) Apakah yang difahami mengenai Wawasan 2035 Negara Brunei Darussalam dan nyatakan tiga (3) matlamat utamanya.
- 5) Definisi Cuti Sakit Disahkan Sendiri dan jelaskan tiga (3) sahaja Peraturan-Peraturan CSDS.
- 6) Tempoh cuti beranak dan syarat kelayakan
- 7) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Sistem Penilaian Prestasi
- 8) Umur minimum bagi pegawai lelaki dan perempuan dalam Perkhidmatan Berpencen dibolehkan bersara awal.
- 9) Peraturan dan syarat perlanjutan mata gaji EB Khas.
- 10) Amalan terbaik dalam pengendalian hadiah dalam Perkhidmatan Awam. Nyatakan tiga (3) peringkat ujian yang dilaksanakan dengan merujuk kepada Peraturan 12(a) Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83).

## **BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon dikehendaki menjawab dua (2) sahaja daripada tiga (3) soalan.

### **SOALAN 1 – PERUMAHAN KERAJAAN BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM**

Satu garis panduan yang mengandungi himpunan dasar dan peraturan-peraturan perumahan kerajaan telah diperkenalkan sebagai rujukan kepada kementerian dan jabatan di Negara Brunei Darussalam.

- 1) Sila terangkan apa yang dimaksudkan "perumahan kerajaan" dan maksud "keluarga pegawai" (2 Markah)
- 2) Peruntukan perumahan kerajaan adalah berdasarkan kelayakan sukatan tangga gaji pokok dan Bahagian jawatan pegawai dan kakitangan kerajaan. Nyatakan kelayakan kelas rumah dan potongan bulanan mengikut Bahagian (*Division*) jawatan pemohon. (5 Markah)
- 3) Setiap permohonan bagi mendapatkan peruntukan perumahan kerajaan akan dinilai dan dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat utama dan tatacara permohonan yang lazim. Sila terangkan tujuh (7) daripadanya. (7 Markah).
- 4) Sila sebutkan dengan ringkas enam (6) tatacara memperuntukkan perumahan kerajaan kepada pegawai dan kakitangan berkenaan. (3 Markah).
- 5) Sila nyatakan keadaan-keadaan yang menyebabkan kebenaran peruntukan perumahan terbatal dengan sendirinya. (1/2 Markah)

**SOALAN 2 – PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN PENUBUHAN  
UNIT AUDIT DALAMAN KEMENTERIAN (Surat Keliling Jabatan Perdana  
Menteri bilangan 05/2022)**

Sila jawap soalan-soalan berikut:

- 1) Definisi Audit Dalaman (5 Markah)
- 2) Apakah syarat-syarat bagi menubuhkan Unit Audit Dalaman dalam Kementerian. Sila sebutkan. (6½ Markah)
- 3) Nyatakan visi dan misi Audit Dalaman. (4 markah)
- 4) Keahlian Jawatankuasa Audit Dalaman di Peringkat Kementerian. (2 markah)

**SOALAN 3 – HAL EHWAL CUTI**

Sila jawap soalan-soalan berikut:

- 1) Apakah yang dimaksudkan dengan Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) dan nyatakan syarat-syarat Am yang mengawal peraturan ini? (6 Markah)
- 2) Sila sebutkan dua (2) definisi penyakit ringan. (2½ Markah)
- 3) Berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 1/2011, Sila terangkan apa yang dimaksudkan dengan Syarat-Syarat Am Cuti Beranak, Tempoh Cuti, dan Tatacara Pembayaran Gaji. (9 Markah)